



Anak miskin Dr Mohd Yusof dilantik ketua penyiasat saintifik IAEA angkat nama Malaysia di persada dunia




FOTO SADDAM YUSOF
KEPAYAHAN yang dilalui ketika kecil membuatkan Dr Mohd Yusof bertekad untuk berjaya dalam hidup.

antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menjadi tumpuan dalam pembangunan sektor nuklear untuk penjanaan tenaga.

"Jadi, peranan saya adalah membantu IAEA dalam pembangunan model kuantitatif penilaian impak.

"Pada masa sama, saya juga berperanan membantu Malaysia Nuclear Power Corporation dalam menilai impak sektor penjanaan tenaga nuklear kepada ekonomi," katanya.

Selain IAEA, Dr Mohd Yusof turut mengharumkan nama negara apabila dilantik sebagai ketua projek bagi pembangunan Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar (SEEA) oleh Bahagian Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSD).

"UNSD bertanggungjawab ke atas pengumpulan dan penyebaran perangkaan ekonomi serta sosial. Ia berperanan memberi bantuan kepada negara ahli dalam aspek pembangunan statistik," katanya.

Tambahnya, Malaysia dijangka mencuri tumpuan besar dalam tempoh beberapa tahun akan datang berikutan berpotensi menjadi pakar rujuk di rantau Asia Pasifik.

"Ketika ini Malaysia menjadi negara perintis kepada pembangunan SEEA.

"Saya percaya, dengan kepakaran teknikal yang dimiliki UPM dan Jabatan Perangkaan (DOSM), projek ini mampu dijayakan menjelang Oktober tahun depan," katanya.



PISANG REBUS SUNTIK JIWA KENTAL

Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

Menjunjung semangat patriotisme itu tidak semestinya dengan lontaran sajak merdeka, mengibar Jalur Gemilang atau bertempur di perbatasan.

Andai ada kemahuan untuk berjaya dalam hidup, boleh jadi apa yang diusahakan mampu mengubah siapa diri kita hari ini dan mengangkat nama Malaysia, gah ke persada dunia.

Bercerita mengenai zaman kanak-kanak sekitar 1980-an, siapa sangka Dr Mohd Yusof Saari yang dulunya budak kampung biasa, kini menyandang

jawatan Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar di Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau dulunya budak kampung, dilahirkan di Perak dalam keluarga yang serba kekurangan dan dibesarkan di kawasan pedalaman di Rompin, Pahang.

"Saya dibesarkan ibu, datuk dan nenek. Datuk hanyalah petani, sementara ibu terpaksa melakukan segala-galanya selepas ayah meninggalkan kami tanpa khabar ketika saya baru dua bulan dalam kandungan.

"Dari Perak, kami sekeluarga berpindah ke

Rompin kerana datuk dan nenek mahu meneruskan minat dan kebolehan bersawah padi," katanya.

Menurut Dr Mohd Yusof, kesempatan hidup keluarganya ketika itu banyak mendorongnya bersikap matang pada usia semuda lapan tahun.

"Kehidupan kami ketika itu mendidik saya untuk berkorban dan menghargai pengorbanan insan tersayang.

"Apabila tiba musim cuti sekolah, saya akan melakukan pelbagai kerja untuk mengumpul duit buat membeli kasut, baju serta membayar yuran persekolahan.

"Niat saya cuma satu,

tidak mahu membebankan datuk kerana tahu beratnya tanggungjawab yang terpaksa dipikul," katanya yang segak berbaju kemeja bercorak hati.

Begitupun katanya, kesempatan hidup keluarganya ketika itu masih belum menyedarkan dirinya untuk berusaha memperbaiki diri sehinggalah berlakunya peristiwa pahit yang sukar dilupakan.

"Suatu hari, kami tiada beras untuk dimakan. Datuk pula gelisah memikirkan bagaimana hendak mengenyangkan perut kami.

"Mahu atau tidak, nenek terpaksa merebus pisang untuk dijadikan juadah kami

mengalas perut.

"Sekalipun hidangan pisang cukup terkenal dalam masyarakat tradist, insiden kehabisan beras itu meninggalkan kesan besar dalam diri saya.

"Ternyata, pisang rebus yang kami makan hari itu menyuntik semangat baru, menjadikan saya orang yang kental dan terus berusaha untuk memajukan diri hingga ke hari ini," katanya.

Bukan sedikit pencapaian yang diraih sepanjang beliau berkhidmat UPM, malah Dr Mohd Yusof kini melangkah jauh apabila dilantik sebagai ketua penyiasat saintifik oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

"IAEA adalah badan

